

DARURAT DI TANAH MELAYU, 1948-1960: PENELITIAN AWAL BERDASARKAN LAPORAN AKHBAR NANYANG SIANG PAU

(EMERGENCY IN MALAY PENINSULA, 1948-1960: PRELIMINARY RESEARCH BASED ON NANYANG SIANG PAU NEWSPAPER REPORTS)

LIN, L. Y.¹ – HANIFFA, M. A.^{1*}

¹ *Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: m.ali[at]uum.edu.my*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Artikel ini membincangkan mengenai corak kehidupan masyarakat Cina di Tanah Melayu berikutan pengisytiharan darurat pada tahun 1948 hingga 1960. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu menimbulkan prasangka dan keruncingan hubungan etnik. Hal yang demikian diterjemahkan dalam bentuk pergaduhan di antara orang Melayu dan Cina apabila tentera Jepun menyerah kalah. Parti Komunis Malaya yang mahu mengambil tampuk pemerintahan mula bertindak zalim dan melakukan keganasan di Tanah Melayu. Penelitian makalah ini ialah terhadap berita yang dilaporkan oleh akhbar Nanyang Siang Pau yang mula diterbitkan selepas Perang Dunia Kedua. Akhbar tersebut merupakan medium penting bercorak harian dan melaporkan keadaan semasa yang banyak melibatkan etnik Cina. Di samping itu, corak kehidupan masyarakat Cina dan usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam pembanterasannya turut diteliti. Perbincangan artikel ini menggunakan pendekatan sejarah yang merujuk kepada rekod Arkib Negara Malaysia, akhbar Nanyang Siang Pau dan dokumen sekunder yang lain. Di samping itu, wawancara bersama informan juga turut digunakan. Hasil penelitian mendapati bahawa akhbar Nanyang Siang Pau menjadi salah satu saluran penting dan bermakna dalam merekodkan serta memberikan maklumat kepada masyarakat Cina ketika berlaku peristiwa darurat di Tanah Melayu.

Katakunci: *darurat, Nanyang Siang Pau, tentera Jepun, Parti Komunis Malaya, Perang Dunia Kedua*

Abstract. This article discusses the patterns of life of the Chinese community in Malaya following the declaration of the Emergency from 1948 to 1960. The Japanese occupation of Malaya created suspicion and heightened ethnic tensions. This situation was reflected in clashes between the Malays and the Chinese after the Japanese forces surrendered. The Malayan Communist Party, which sought to take control of the government, began to act cruelly and carry out acts of violence in Malaya. This article examines news reports published by Nanyang Siang Pau, a newspaper that began publication after the Second World War. The newspaper was an important daily medium that reported current developments, many of which involved the Chinese community. In addition, the article also examines the living patterns of the Chinese community and the efforts undertaken by the government to combat communism. The discussion in this article adopts a historical approach by referring to records from the National Archives of Malaysia, Nanyang Siang Pau newspaper reports, and other secondary documents. Interviews with informants are also used. The findings show that Nanyang Siang Pau served as one of the important and meaningful channels for recording and providing information to the Chinese community during the Emergency in Malaya.

Keywords: *emergency, Nanyang Siang Pau, Japanese army, Malayan Communist Party, Second World War*

Pengenalan

Sejarah penubuhan akhbar Cina di Tanah Melayu dapat diimbangi kembali semenjak tahun 1890 lagi di Pulau Pinang dengan kewujudan Hua Yang Xing Bao yang

merupakan akhbar Cina pertama. Trend penerbitan akhbar Cina di antara Tanah Melayu dan Singapura pada tahun 1890-an telah menggalakkan penghasilan pelbagai jenis akhbar Cina yang lain dengan tujuan menyebarkan maklumat dan berita kepada masyarakat tempatan. Kewujudan pelbagai jenis akhbar Cina mencapai ke satu tahap kemuncak sehingga tahun 1912 di Tanah Melayu. Ini membawa kepada penerbitan tujuh jenis akhbar Cina yang berbeza dengan tujuan memberikan pilihan kepada masyarakat Cina. Antaranya akhbar yang terkenal ialah Penang Sin Poe pada 1896, Kong See Boo Poe pada 1897, Nan Yang Si Pau pada 1897, Kwong Wah Yit Poh pada 1910, FMS Daily Press pada 1911 dan Cue-Sing Mail pada 1912. Penerbitan akhbar Cina terpaksa dihentikan pada tahun 1914 berikutan Perang Dunia Pertama. Akhbar-akhbar Cina mula diterbitkan semula setelah tamat peperangan dan diarahkan tutup semula ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941. Kekalahan tentera Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1945 berjaya memulihkan semula industri penerbitan dan semakin banyak surat khabar Cina baharu mula muncul terutamanya di Sabah dan Sarawak. Antaranya ialah seperti Sandakan Jih Pao, See Hua Daily News, Ya Bi Shang Pao dan lain-lain lagi.

Akhbar *Nanyang Siang Pao* memberikan tumpuan utama dalam melaporkan berita mengenai darurat di Tanah Melayu sepanjang 12 tahun. Memang tidak boleh dinafikan bahawa gerakan komunis yang semakin aktif di Tanah Melayu mula menjejaskan keharmonian berikutan kegiatan sabotaj dan keganasan. Darurat secara rasminya diisytiharkan pada 18 Jun 1948 di seluruh Tanah Melayu apabila kegiatan Parti Komunis Malaya (PKM) mencapai tahap kemuncak dan tidak terkawal. Faktor yang menyebabkan bermulanya pengisytiharan darurat di Tanah Melayu adalah berikutan peristiwa pembunuhan di Sungai Siput, Perak yang melibatkan tiga orang rakyat British pada 16 Jun 1948. Antara mangsa yang dibunuh adalah Arthur Walker, Pengurus Estet Elphil, John Allison dan pembantunya iaitu Ian Christian yang berasal dari Estet Phin Soon (*Nanyang Siang Pau* pada 17 Jun 1948). Pembunuhan yang mengejutkan menyebabkan kepada pengisytiharan darurat oleh Pesuruhjaya Tinggi British iaitu Sir Edward Gent di seluruh Tanah Melayu termasuk Singapura. Undang-undang tersebut menetapkan 14 perkara bagi pembanterasannya komunis di Tanah Melayu (*Nanyang Siang Pau* pada 19 Jun 1948).

Masyarakat Cina ketika zaman darurat merupakan kelompok yang amat terkesan kerana pihak komunis melakukan pelbagai kegiatan yang menggugat keselamatan. Terdapat penduduk yang dibunuh, diculik, dcedera dan diugut setiap masa di merata tempat di Tanah Melayu. Tindakan komunis yang berperikemanusiaan menyebabkan banyak nyawa terkorban sepanjang tempoh darurat. Seramai 2473 orang awam dilaporkan mati (ANM, 1960). Situasi huru-hara yang dialami pada zaman darurat meninggalkan pelbagai kesan negatif khususnya kepada masyarakat Cina apabila hak asasi mereka digugat. Kehidupan harian dipenuhi dengan ancaman komunis dan mereka perlu sentiasa mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh British di Tanah Melayu. Masyarakat Cina tidak lagi bebas sehingga diarahkan berpindah ke satu penempatan terkawal. Tujuannya ialah untuk memastikan gerakan mereka dapat diawasi dan dipantau agar tidak memberi sebarang bantuan kepada komunis.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini bersifat deskriptif dan menggunakan metode penyelidikan sejarah dengan memfokuskan kepada peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah berlaku dan dilaporkan

oleh akhbar Nanyang Siang Pau semasa zaman darurat di Tanah Melayu pada tahun 1948 hingga 1960. Kesahihan peristiwa sejarah yang dilaporkan akan ditafsirkan oleh penulis melalui sumber-sumber primer dan sekunder. Antaranya ialah seperti dokumen arkib, artikel, buku dan sebagainya. Dapatan tersebut akan disemak silang agar dapat membuktikan kesahihan fakta. Wawancara bersama dengan informan terpilih juga dilakukan untuk mendapatkan pengalaman dan penceritaan yang berkesan.

Darurat di Tanah Melayu

Pembunuhan tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput pada 1948 merupakan permulaan Parti Komunis Malaya (PKM) menentang kerajaan British dengan cara yang keras dan ganas. Pengisytiharan Undang-undang Darurat di seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 adalah untuk mengawal keamanan dan keselamatan penduduk tempatan serta bertujuan memberi hukuman kepada sesiapa yang cuba memberi bantuan kepada komunis. Tindakan ini tidak memberi sebarang reaksi ketakutan kepada pihak komunis. Sebaliknya mereka masih meneruskan gerakan dengan menggariskan tiga strategi utama. Antara strategi yang digunakan oleh komunis sepanjang zaman darurat adalah seperti berikut (a) menyerang kawasan estet getah dan lombong bijih timah yang mempunyai motif ekonomi; (b) menyerang kawasan terpinggir seperti kampung-kampung pedalaman yang mampu; (c) memusnahkan pengangkutan awam dan perhubungan serta melakukan sabotaj ke atas infrastruktur yang dibina oleh British menjadikan kawasan pemerintahan atau penempatan komunis; (d) menambah bilangan komunis dengan bantuan Min Yuen (O'Ballance, 1966; Hanrahan, 1954).

Strategi baharu yang digunakan oleh komunis telah menimbulkan kekacauan, ketidaktenteraman dan ketakutan di Tanah Melayu. PKM mula bertindak agresif dan ganas bagi menghalau British keluar dari tanah air ini. Mereka kemudian melancarkan siri keganasan ke atas orang awam yang tidak bersalah. Antaranya ialah memusnahkan lombong bijih timah dan estet, membakar kampung, membunuh masyarakat tempatan seperti Melayu, Cina, India mahupun orang Asli serta sebagainya. Mereka turut membunuh pegawai ataupun warga British yang bekerja di Tanah Melayu. Jelaslah bahawa, PKM bertindak secara agresif dan ganas untuk mencapai matlamat politik mereka di Tanah Melayu dengan mempergunakan masyarakat Cina dalam menyebarkan ideologi. Dengan bantuan masyarakat Cina, komunis dapat mengumpul pelbagai maklumat risikan dan kemudian melancarkan siri keganasan ke atas orang awam. Ini juga sebagai amaran dan tanda penentangan terhadap pihak British.

Pelaksanaan Undang-undang Darurat (Emergency Regulations) di Tanah Melayu merupakan satu permulaan baik untuk mengehadkan pergerakan masyarakat tempatan. Undang-undang Darurat yang diperkenalkan ini adalah tegas dan ketat terhadap sesiapa yang mengingkarinya. Penduduk tempatan yang ingkar kepada peraturan akan mengalami hukuman dengan dihantar balik semula ke negara asal mereka (Nanyang Siang Pau pada 10 Jun 1949). Kebiasaannya, masyarakat Cina merupakan golongan yang dominan untuk dihantar balik semula atas kesalahan membantu komunis (High Commissioner of the Federation of Malaya, 1949). Pengenalan buku kecil mengenai Undang-undang Darurat turut dihasilkan dan dicetak (Kwong Wah Yit Poh dan Penang Sin Poe pada 25 Julai 1948). Buku ini diterbitkan dalam tiga bahasa utama iaitu Bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil. Antara perkara penting yang dimasukkan adalah seperti perhimpunan haram, larangan menampal poster yang berunsur komunis, perintah untuk berpindah segera dan sebagainya. Tujuan utama

buku ini diedarkan adalah untuk membantu penduduk tempatan memahami perundangan yang ditetapkan oleh British ketika itu.

Ancaman komunis berdasarkan laporan Nanyang Siang Pau

Parti Komunis Malaya terkenal dengan pelbagai kegiatan sabotaj dan keganasan yang bertujuan mengancam keselamatan penduduk Tanah Melayu. Sepanjang tempoh darurat diisytiharkan, komunis melakukan keganasan dan kekerasan secara kerap serta dilaporkan secara harian oleh akhbar Nanyang Siang Pau. Akhbar tersebut melaporkan pelbagai kegiatan komunis seperti pembunuhan, memusnahkan jalan kereta api, membakar pengangkutan awam, menculik orang awam, menyerang estet dan lombong bijih timah sehingga merampas kad pengenalan yang dimiliki oleh orang awam. Komunis tidak memilih masa untuk melakukan sebarang penyerangan dan mereka lebih cenderung dalam serangan secara mengejut. Serangan yang dilancarkan tidak dapat dijangkakan oleh pasukan keselamatan walaupun rondaan kerap dilakukan. Keadaan ini menyebabkan ancaman yang besar kepada pihak kerajaan dalam melindungi keselamatan masyarakat tempatan. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam membanteras komunis yang aktif di pinggir hutan.

Pergerakan penduduk Tanah Melayu yang menggunakan pengangkutan awam merupakan satu perkara yang sukar. Ini kerana risiko serangan komunis sering wujud apabila penduduk tempatan melalui lokasi terpencil. Menurut akhbar Nanyang Siang Pau, pengangkutan seperti bas, kereta api dan lori menjadi sasaran komunis. Tujuannya ialah untuk merampas kad pengenalan, makanan dan wang tunai. Komunis memusnahkan bas dengan tindakan mengarahkan semua penumpang dan pemandu turun dari pengangkutan tersebut setelah menahan kenderaan yang melalui kawasan tersebut. Tindakan seterusnya ialah dengan merampas segala harta yang bernilai dan membakar kenderaan yang ditahan. Kebiasaannya, komunis jarang mengganggu orang awam setelah merampas barang yang diinginkan. Antara berita yang dilaporkan oleh Nanyang Siang Pau adalah seperti 12 orang penumpang bas termasuk enam orang polis bantuan yang ditahan oleh seramai 15 orang anggota komunis di Pontian, Johor pada 7 Januari 1949. Akhbar Nanyang Siang Pau juga pernah melaporkan mengenai sekumpulan komunis yang berjaya menembak sebuah lori yang sedang meneruskan perjalanan di Mentakab dan mengakibatkan seramai 12 orang penumpang termasuk empat orang askar British, dua orang polis serta seorang pegawai berbangsa Melayu mengalami musibah (Nanyang Siang Pau pada 21 Januari 1949). Kes hilang juga kerap berlaku apabila komunis menahan kenderaan yang lalu semasa darurat. Kes tersebut berlaku pada 8 April 1950 di Karak apabila seramai 10 orang komunis Cina yang berpakaian hitam menahan sebuah kenderaan dengan merampas kad pengenalan penumpang. Seorang penumpang dilaporkan hilang pada masa itu, dan ditemukan dibunuh. Tindakan komunis yang menahan lori dan merampas kad pengenalan pemandu pernah berlaku di Sungai Siput, Perak pada 5 Jun 1950. Tindakan komunis tersebut tidak menyebabkan sebarang kecederaan sebaliknya mereka melepaskan lori tersebut setelah orang awam berjaya menaiki lori.

Landasan kereta api yang menghubungkan perjalanan antara setiap negeri juga sering dimusnahkan oleh komunis ketika darurat. Antara tindakan sabotaj adalah seperti menembak keretapi yang sedang bergerak, memasang bahan leputan, membakar stesen keretapi dan cubaan melonggarkan landasan bagi menggelincirkan kereta api (Ho, 2004). Perbuatan sabotaj komunis ke atas perkhidmatan keretapi sering dilaporkan oleh akhbar Cina pada setiap bulan. Kegiatan ini dapat dilihat sejak permulaan Darurat di

Tanah Melayu. Berdasarkan akhbar Nanyang Siang Pau, keretapi dari Singapura ke Kuala Lumpur merupakan antara kereta api yang sering diserang atau ditembak oleh komunis. Serangan landasan keretapi di antara laluan tersebut dilaporkan berlaku sebanyak tujuh kali di Segamat, Johor pada bulan Jun 1950. Tambahan pula, komunis juga dilaporkan mengebom landasan keretapi dan menyebabkan kereta api tersebut tergelincir.

Begitu juga keretapi yang bertolak dari Singapura ke Kuala Lumpur ataupun Kuala Lumpur ke Singapura. Serangan komunis ke atas landasan keretapi kebiasaannya dilakukan pada awal pagi dan bertujuan untuk memusnahkan rel dan merampas kad pengenalan para penumpang. Bukan itu sahaja, komunis juga akan menembak koc keretapi untuk tujuan memberhentikannya. Tindakan tersebut mengakibatkan kecederaan penumpang. Sehingga 27 Jun 1950, Nanyang Siang Pau melaporkan bahawa serangan ke atas keretapi telah berlaku sebanyak lima kali. Antaranya ialah serangan ke atas keretapi ke arah selatan sebanyak satu kali manakala dari utara sebanyak empat kali. Pergerakan komunis dalam menyerang dan merosakkan keretapi semakin aktif pada keesokan harinya dengan menyerang dua buah kereta api di Segamat dan Kluang, Johor. Komunis menyerang keretapi yang melalui Segamat terlebih dahulu sebelum keretapi yang menuju ke Singapura di Kluang selepas satu jam setengah. Serangan tersebut tidak membawa kepada sebarang kematian atau kecederaan.

Peristiwa pembunuhan yang serius berlaku di Tanjong Malim pada 25 Mac 1950 (Ling et al., 2023). Pengenalan Peti Surat 5000 (Perhubungan Raya Persekutuan Tanah Melayu, 1950) oleh Jeneral Templer adalah untuk menggalakkan orang awam memberikan atau membekalkan sebarang maklumat berkaitan komunis kepada pihak British. Kerjasama orang awam di Tanjong Malim amat diperlukan oleh Templer pada masa itu untuk menyiasat kegiatan komunis yang telah membunuh dan mencederakan anggota polis serta pegawai British. Templer amat mengalu-alukan penulisan surat risikan komunis daripada orang awam supaya komunis dapat dibanteras di Tanjong Malim. Antara risikan yang diperlukan termasuklah nama komunis, agen komunis, pembekal makanan kepada komunis, pembantu komunis dalam membeli dan menghantar makanan (The Straits Times pada 6 April 1952).

Punca berlaku malapetaka tersebut adalah berikutan pelaksanaan kerja membaik pulih paip air yang telah dibocorkan dan diceroboh. Pasukan penolong pegawai British Tanjong Malim dan anggota polis dihantar bagi memastikan penduduk tempatan mendapat bekalan air semula. Menurut akhbar Kwong Wah Yit Poh, pada 26 Mac 1950, paip air tersebut pernah diceroboh dan dirosakkan oleh komunis. Perbuatan tersebut merupakan yang keenam sejak tahun 1948. Berdasarkan kenyataan rasmi pasukan tersebut diserang oleh komunis semasa melalui sebuah estet getah yang berdekatan dengan Tanjong Malim dan mengakibatkan seramai 12 orang terkorban manakala lapan orang mengalami kecederaan. Antara senarai mangsa yang terlibat dalam peristiwa yang mengejut adalah seperti berikut (*Jadual 1*).

Jadual 1. Pasukan pemulihan paip.

Nama	Jawatan
Michael Codner	Penolong Pegawai Daerah Tanjong Malim
W.H. Fourmiss	Jurutera
Teoh Eng Kiew	Pembantu Teknikal
Ahmad bin Jali	Pekerja Paip
Hamid bin Johari	Lans Koperal Polis

Sumber: Nanyang Siang Pau pada 26 Mac 1952.

Menurut pihak komunis, dalam serangan tersebut terdapat seramai dua orang pengganas komunis yang ditembak mati dan salah satu mangsa merupakan ketua pasukan yang melakukan serangan. Terdapat empat orang pengganas komunis yang tercedera dan melarikan diri apabila anggota polis mengesan serta menemui kesan darah komunis di tempat tersebut. Penutupan segala perkhidmatan seperti pengangkutan, pendidikan, perniagaan dan sebagainya diarahkan oleh General Gerald Templer bagi tujuan menyasat kejadian ini dengan terperinci. Ketika itu, jualan tiket keretapi yang akan melalui Tanjung Malim juga tidak dilakukan kepada orang awam oleh Keretapi Malaya (Nanyang Siang Pau pada 30 Mac 1952). Akibat daripada peristiwa ini Tanjong Malim dengan kawasan luar terputus hubungan dan secara tidak langsung daerah ini telah menjadi “pekan mati”.

Corak kehidupan masyarakat Cina

Kehidupan masyarakat Cina ketika darurat di Tanah Melayu dapat dikatakan amat sengsara. Isu kewarganegaraan masyarakat Cina yang majoritinya terdiri dari negara China menimbulkan satu masalah besar. Identiti dan status kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu yang dimiliki oleh masyarakat Cina telah menyebabkan komunis menyasarkan mereka serta menganggap mereka sebagai “anjing suruhan British”. Risalah-risalah komunis yang menghalang orang Cina untuk mendaftar sebagai warganegara juga disebar di serata tempat. Bukan itu sahaja, golongan ini juga sering dijadikan sasaran serangan PKM. Kehidupan masyarakat Cina yang sering terancam menyebabkan mereka hidup dalam ketakutan dan sentiasa berwaspada bagi mengelakkan sebarang ancaman. Dengan ini, corak kehidupan masyarakat Cina akan memberikan fokus kepada kewujudan penempatan baru, perintah berkurung dan makanan.

Kampung baru cina

Situasi masyarakat Cina yang semakin dijadikan sasaran oleh komunis mengancam kedudukan pentadbiran British di Tanah Melayu. Rancangan Briggs atau penempatan semula yang diperkenalkan pada 1950 adalah salah satu jalan penyelesaian British untuk memutuskan rantaian komunis di antara orang awam. Penempatan semula atau dikenali sebagai “resettlement” merupakan satu rancangan yang dilakukan oleh British untuk mengawal pergerakan masyarakat Cina yang mungkin menjadi anggota komunis. Proses penempatan semula atau perpindahan secara ramai bermula pada tahun 1949 dengan kewujudan Squatter Committee di Tanah Melayu. Ahli Jawatankuasa tersebut menggariskan beberapa polisi yang penting. Antaranya ialah “orang awam yang enggan memindahkan ke satu kawasan baharu yang ditetapkan akan diarahkan keluar dari Tanah Melayu” (Nanyang Siang Pau pada 6 Februari 1952). Kawasan perpindahan tersebut akan disokong dan dilindungi oleh kerajaan termasuk kelulusan hak penggunaan tanah yang diberikan kepada masyarakat Cina. Penempatan semula di Kampung Baru Cina boleh dikatakan sebagai “satu kem tahanan yang berpusat” untuk memutuskan segala perhubungan masyarakat Cina dengan komunis terutamanya penduduk Cina yang menetap berhampiran dengan pinggir hutan (Wawancara dengan Kam Mooi).

Di bawah rancangan penempatan semula, penduduk Cina diletakkan di sebuah kawasan yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti sekolah, klinik kesihatan, dewan komuniti. Lokasi tersebut dikelilingi dengan pagar besi dan satu kawalan pusat

bagi memudahkan tentera atau pegawai British memeriksa orang awam yang keluar masuk. Wawancara dengan Kam Mooi menyatakan bahawa bagi membanteras ancaman komunis, setiap orang awam di penempatan awam akan diperiksa terlebih dahulu di depan pagar (Ho, 2004). Setiap pagar akan dijaga oleh pegawai British. Pagar tersebut merupakan salah satu laluan untuk keluar dan masuk sahaja. Orang awam dilarang membawa masuk atau keluar sebarang makanan atau barang keperluan dari kawasan penempatan awam. Mereka akan diarahkan untuk makan atau meninggalkan makanan tersebut sekiranya mereka didapati berbuat demikian. Kelaparan merupakan perkara biasa yang sering dialami oleh masyarakat Cina yang bekerja sebagai pelombong bijih timah atau peladang getah. Tindakan ini berjaya memutuskan ancaman komunis ke atas masyarakat Cina ketika itu.

Masyarakat Cina pada akhir 1940-an dipindahkan dan terpaksa meninggalkan segala harta atau hasil tanaman yang telah diusahakan sebelum ini. Penduduk yang diarahkan pindah tidak dibenarkan membawa sebarang binatang ternakan ke penempatan baharu dan mereka dipaksa menyesuaikan diri dengan situasi yang baharu tanpa mempunyai sebarang sumber pendapatan. Masyarakat Cina dipindahkan ke kawasan yang lapang dan luas serta mempunyai jarak yang agak jauh dengan jiran tetangga (Wawancara dengan Kam Mooi). Menurut pengalaman informan, beliau mengalami dipindahkan ketika berusia 14 tahun ke Timor, Perak apabila kawasan tersebut diisytiharkan sebagai Kawasan Hitam oleh British. Keluarga informan terpaksa mengikut arahan British untuk berpindah ke satu kawasan baharu yang dikenali sebagai Kampung Baru Cina. Perkataan Kampung Baru Cina kemudiannya digantikan dengan perkataan penempatan semula bagi menunjukkan majoriti kawasan baharu yang ditempatkan adalah masyarakat Cina. Menurut informan, "perintah berkurung" juga dikenakan di lokasi tersebut dan pintu akan dibuka pada jam 6.00 pagi bagi memberikan peluang kepada orang awam untuk mencari rezeki di estet getah atau lombong bijih timah yang berdekatan.

Satu peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 tegas menyatakan bahawa orang Cina yang disyaki dalam memberikan bantuan kepada komunis akan dihantar pulang ke negara asal (Nanyang Siang Pau pada 10 Januari 1949). Menurut Kam Mooi, dia bertuah kerana mendapat pekerjaan di estet getah dengan memperoleh gaji sebanyak \$5 sehari. Kawasan estet getah yang berhampiran dengan Timor terletak di kawasan tinggi dan merupakan lokasi aktif komunis. Gelaran "babi hutan" diberikan kepada komunis apabila orang awam melihat kedatangan mereka di kawasan estet getah atau hutan. Ini adalah sebagai amaran kepada rakan-rakan di sekeliling (Wawancara dengan Kam Mooi). Beliau menyatakan bahawa komunis berpakaian hijau dan mempunyai senjata di sisinya untuk menyerang orang awam. Justeru itu, orang awam yang bekerja di estet akan berhati-hati dengan pergerakan komunis dan sentiasa bersedia untuk berbaring di atas lantai sekiranya berdepan dengan komunis. Informan juga memberikan maklum balas mengenai pengalaman disoal siasat oleh tentera dan ini meninggalkan trauma kepada beliau. Sehingga kini, beliau masih teringat memori tersebut.

Dapur Pusat merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan di Kampung Baru Cina untuk mengehadkan penduduk tempatan mengagihkan makanan atau bekalan nasi yang lebih kepada komunis. Dapur Pusat di setiap penempatan akan dimasak oleh tukang masak dan kemudian diagihkan kepada orang awam (Wawancara dengan Lai Nge Sian dan Sin Nyuk Lian). Bukan itu sahaja, penduduk tempatan yang ingin membeli beras dari kedai-kedai di Kampung Baru Cina adalah dilarang, sebaliknya

mereka hanya boleh membeli nasi dari Dapur Pusat (Ho, 2004). Nasi yang dijual tidak tahan lama dan akan basi jika dimakan pada keesokan harinya. Tujuan utama kerajaan British melaksanakan sistem Dapur Pusat di setiap Kampung Baru adalah untuk memutuskan segala sumber makanan kepada komunis di dalam hutan dan memaksa mereka keluar untuk menyerahkan diri (Wawancara dengan Kam Mooi).

Perniagaan beras di Kampung Baru Cina terjejas apabila beras dilarang dijual di bawah keadaan yang belum ditanak. Situasi ini menyusahkan peniaga beras yang berhasrat mendapat sumber pendapatan pada masa itu. Justeru itu, program Dapur Pusat tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Cina di kawasan penempatan semula. Ini kerana mereka sering mengalami kelaparan dan tidak cukup bekalan makanan memandangkan hasil pertanian tidak diusahakan di sekitar rumah pada masa itu. Masalah kekurangan makanan menyebabkan pelbagai masalah kesihatan kepada orang awam apabila program Dapur Pusat dijalankan secara berterusan (Wawancara dengan Lai Nge Sian dan Sin Nyuk Lian). Tambahan pula, kelemahan sistem perubatan di kawasan penempatan semula juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan peningkatan kadar kematian.

Pengintipan atau perisikan kerajaan merupakan antara aktiviti yang dilakukan ketika tempoh darurat untuk mendapatkan maklumat atau pergerakan komunis melalui orang awam. Pada zaman darurat, orang awam sering diingatkan untuk sentiasa berwaspada ketika bertutur dengan orang lain terutamanya di kawasan terbuka (Wawancara dengan Kam Mooi). Menurut Kam Mooi, pengintip pernah muncul di rumah beliau pada masa itu untuk bertanya mengenai pergerakan komunis. Informan menyatakan bahawa segala soalan yang dikemukakan perlu dijawab bagi mengelakkan sebarang masalah. Pada masa tersebut, komunis digelar sebagai “orang bukit” oleh masyarakat Cina kerana kebiasaannya serangan dilakukan dari kawasan tinggi. Dengan ini, kawasan tinggi atau puncak bukit adalah lokasi berbahaya kepada penduduk Bidor, Perak. Ini kerana ia merupakan lokasi yang dipenuhi oleh komunis di mana orang awam, anggota polis dan tentera pada masa itu menjadi sasaran (Wawancara bersama Lai Nge Sian dan Sin Nyuk Lian).

Kebiasaannya, komunis menyamar ketika melaksanakan tugas harian mereka di pasar atau kawasan yang penuh dengan orang awam. Menurut pengalaman informan Kam Mooi pada tahun 1949, pernah mengalami kejadian dirampas kad pengenalan oleh komunis bersama dengan ibunya. Namun, kad pengenalan beliau tidak berjaya dirampas oleh komunis kerana dia menyatakan belum berusia 12 tahun. Tindakan bijak tersebut berjaya menyelamatkan kad pengenalannya jatuh ke tangan komunis walaupun informan tersebut mempunyai kad pengenalan bersama dengannya. Kebiasaannya, komunis yang melakukan rampasan tersebut berpakaian kuning dan memakai topi yang mempunyai lima gugus bintang di atasnya yang mewakili PKM.

Inisiatif kerajaan dalam membanteras komunis di Tanah Melayu dengan memindahkan dan menempatkan semula masyarakat Cina di setiap kawasan penempatan berjaya menjamin keselamatan penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, penempatan semula tersebut masih tidak mampu memberikan kebebasan kepada masyarakat Cina yang dikurung sementara sejak tahun 1949. Memang tidak dapat dinafikan bahawa usaha kerajaan berjaya mengurangkan ancaman komunis. Berdasarkan laporan British pada April 1952, masih terdapat penduduk yang belum ditempatkan di seluruh Tanah Melayu (*Jadual 2*).

Jadual 2. Diskriptif statistik (30th April 1952)

State or Settlement	Number of persons resettled	Number of persons remaining to be resettled	Total
Johore	117,646	11,424	129,070
Malacca	7,550	-	7,550
Negeri Sembilan	27,663	160	27,823
Selangor	68,745	18,765	87,510
Pahang	36,434	1,288	37,722
Perak	170,295	21,846	192,141
Kedah	1,781	3,792	5,573
Penang	2,772	14,104	16,876
Perlis	257	-	257
Kelantan	3,334	1,065	4,399
Terengganu	624	-	624
	437,101	72,444	509,545

Sumber: C.S.10303/50 New Villages Services-Estimates For 1953.

Jelaslah bahawa, Rancangan Briggs dengan menempatkan semula masyarakat Cina di Kampung Baru Cina telah mempercepatkan proses pembanterasannya komunis. Bukan itu sahaja, jumlah Kampung Baru Cina semakin bertambah pada setiap tahun dan dikategorikan dalam tiga jenis iaitu A, B dan C bagi. Kategori tersebut dibuat berdasarkan bilangan penduduk Cina. Mengikut Catatan dalam Fail SUK. Perak, kategori Kampung Baru boleh dibahagikan seperti berikut: (a) 'A' refers to new villages which are entirely new; (b) 'B' refers to new villages built around small villages which have not been moved but which have in effect been absorbed into the new village; (c) 'C' refers to new villages which are suburbs or appendages to existing towns or large villages but which nevertheless have a distinct identity of their own and are therefore treated as separate entities (Perak State Secretariat, 1952). Justeru itu, setiap Kampung Cina di setiap negeri akan dilabelkan dengan kategori A, B dan C Hal yang demikian akan memudahkan urusan kerajaan British atau tempatan. Jumlah penempatan semula tinggi dimiliki oleh negeri Perak. Tanah Melayu dilaporkan membina sebanyak 438 buah kampung baru sehingga tahun 1954 (*Jadual 3*).

Jadual 3. Kategori penempatan semula di seluruh Tanah Melayu pada 1954.

State/settlement	Kategori			Total
	A	B	C	
Penang and Province Wellesley	7	-	2	9
Malacca	14	3	-	17
Johore	55	22	11	88
Kedah	21	10	1	32
Kelantan	3	9	2	14
Negeri Sembilan	16	14	7	37
Pahang	40	9	18	67
Perak	107	12	4	123
Perlis	1	-	-	1
Selangor	38	6	3	47
Terengganu	1	2	-	3
Total	303	87	48	438

Sumber: Federation of Malaya (1954).

Perintah berkurung

Kegiatan komunis yang ganas terhadap pegawai British seperti pembunuhan telah menyumbang kepada pengenalan perintah berkurung di Tanah Melayu. Perintah berkurung merupakan salah satu cara untuk mengawal pergerakan masyarakat tempatan di samping membanteras komunis. Hukuman kolektif merupakan antara hukuman yang terkenal dan tegas di Tanah Melayu dengan mengasingkan penduduk tempatan terutamanya masyarakat Cina dengan komunis. Hukuman ini biasanya dikenakan ke atas seluruh penduduk tempatan sesuatu kampung atau penempatan yang melakukan kesalahan.

Perintah berkurung di setiap negeri adalah berbeza berdasarkan kesalahan yang dilakukan oleh penduduk tempatan. Sepanjang tempoh darurat di Tanah Melayu, kerajaan British mengenakan satu perintah berkurung sepanjang 22 jam di Tanjong Malim, Pusing, Gunung Rapat, Permatang Tinggi dan Pekan Jabi. Alasan tempoh berkurung yang panjang adalah disebabkan dakwaan orang awam yang berpakat dengan komunis dan membekalkan sumber makanan serta ubat-ubatan kepada mereka. Sikap orang awam yang tidak mengakui dirinya sebagai agen atau pembantu komunis mengakibatkan kerajaan British melakukan beberapa siri tindakan untuk menangkap pemberontak di antara orang awam. Antara tindakan yang dilancarkan adalah seperti perintah berkurung, risalah, kelaparan dan sekatan. Namun, tindakan Templer yang ekstrem menyebabkan pertikaian di Parlimen British terhadap hukuman kolektif yang sedang berlaku di Tanjong Malim pada masa itu (House of Commons, 1952a).

Seperti yang dibangkitkan oleh wakil Parti Buruh, Woodroe Wyatt di Parlimen British, kekurangan anggota polis di Tanjong Malim merupakan satu kenyataan yang perlu dihadapi oleh kerajaan British di Tanah Melayu. Tindakan Templer yang menunggu maklumat atau risikan komunis daripada orang awam adalah satu perkara yang mustahil. Ini kerana mereka akan dibunuh dan dianiayai oleh komunis sekiranya membekalkan maklumat. Bukan itu sahaja, Wyatt juga menyatakan kebimbangan mengenai hukuman kolektif yang dikenakan kepada orang awam di Tanjong Malim akan menghilangkan status penjajahan British di Tanah Melayu. Soalan Wyatt ini kemudian disangkal oleh Setiausaha Negara untuk Tanah Jajahan British pada 30 April 1952 dengan menyatakan bahawa hukuman kolektif yang dilakukan di Tanjong Malim berjaya memperoleh sedikit risikan dan maklumat yang berguna (House of Commons, 1952b).

Peristiwa Tanjong Malim telah menyebabkan perintah berkurung dikenakan selama 22 jam di dalam rumah. Penduduk awam hanya dibenarkan bergerak bebas selama dua jam sahaja iaitu dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang sahaja. Kehidupan masyarakat Cina terpaksa berubah apabila perintah berkurung dilaksanakan secara ketat dan menyebabkan kehilangan pendapatan harian orang awam. Orang awam tidak dibenarkan meninggalkan rumah dan dihadkan untuk memperoleh makanan atau barang keperluan. Antara bentuk hukuman terhadap penduduk Tanjong Malim ialah dengan tidak membenarkan orang awam meninggalkan pekan Tanjong Malim, kedai dibuka selama dua jam, penutupan sekolah dan perkhidmatan bas, mengurangkan pemberian serta pengagihan nasi dan makanan serta melaksanakan pentadbiran yang lebih ketat bagi mengelakkan kejadian yang sama berlaku (Kwong Wah Yit Poh pada 28 Mac 1952).

Namun, pembelian beras secara bebas di pasaran turut dilarang ketika perintah berkurung dilaksanakan di Tanjong Malim. Pemberian beras turut dikurangkan dari 5 kati kepada 3 kati sahaja bagi seorang dewasa dan 2 ½ kati sahaja bagi kanak-kanak (The Straits Times pada 28 Mac 1952). Bukan itu sahaja, larangan pembelian beras secara bebas turut membabitkan segelintir kawasan seperti di Kalumpang dan Ulu Selangor, Selangor serta Triang, Pahang. Perjumpaan Templer dengan 350 orang pemimpin komuniti tempatan yang berbangsa Melayu, Cina dan India turut diadakan ketika itu. Pertemuan ini diadakan di Kolej Sultan Idris, Tanjong Malim dengan menyeru pemimpin membekalkan informasi komunis yang pernah ditemui baru-baru ini (The Straits Times pada 28 Mac 1952). Sikap mereka yang berdiam diri menyebabkan kemarahan Templer lalu melaksanakan perintah berkurung selama 22 jam secara berterusan.

Perintah berkurung yang ketat di Tanjong Malim turut menimbulkan kesulitan kepada penduduk tempatan. Situasi ini menyebabkan penduduk yang dikurung di dalam rumah sukar untuk membuang air besar di mana tandas pada masa itu dibina di luar rumah. Menurut Nanyang Siang Pau, pada 3 April 1952, terdapat beberapa orang awam yang melanggar peraturan perintah berkurung di Tanjong Malim dengan membuka pintu rumah untuk membela itik dan ayam atau untuk ke arah tandas. Hal ini berlaku kerana kerajaan British tidak bertimbang rasa terhadap orang awam dan masih menghukum mereka atas tuduhan keluar dari rumah. Secara tidak langsung, kehidupan masyarakat Cina di Tanjong Malim semakin sukar dan susah dengan kekurangan makanan serta terpaksa mengalami kelaparan sepanjang hari.

Selain daripada Tanjong Malim, sebuah pekan di Pusing, Perak turut dikenakan perintah berkurung selama 24 jam bagi seluruh kawasan Pusing manakala 22 jam untuk orang awam bermula pada 17 Januari 1951. Sebelum ini, daerah Pusing juga pernah dikenakan perintah berkurung pada pukul 7.00 malam hingga 6.00 pagi keesokan harinya disebabkan berlakunya dua kes bom tangan pada 13 Januari 1950 (Federation of Malaya, 1950) yang juga dilaporkan oleh Nanyang Siang Pau pada 14 Januari 1950. Pembunuhan Pegawai Penempatan Semula Daerah Pusing iaitu David White oleh dua orang komunis pada hari pelaksanaan perintah berkurung merupakan sebab utama perintah ini dikenakan ke atas penduduk Pusing (The Straits Times pada 18 January 1951). Hukuman kolektif mula dikenakan di Pusing terlebih dahulu sebelum kejadian di Tanjong Malim pada tahun 1952. Bagi menghukum penduduk tempatan, British mengarahkan semua kedai ditutup selama 44 hari dan didenda sebanyak \$40,000m yang juga dilaporkan oleh The Straits Times pada 21 Mac 1951 (Ho, 2004), termasuklah hukuman denda sebanyak \$ 15 ke atas setiap pemuda lelaki yang berusia 18 tahun dan ke atas.

Berdasarkan berita Nanyang Siang Pau pada 18 Januari 1951, setiap penduduk Pusing diberikan masa selama dua jam untuk membeli barang keperluan dan makanan di kedai-kedai iaitu pada 10.00 hingga 11.00 pagi serta 3.00 hingga 4.00 petang sahaja. Penduduk dilarang keluar dari rumah selain daripada waktu yang telah ditetapkan. Namun begitu, kenderaan masih dibenarkan melalui kawasan yang dikenakan perintah berkurung di Pusing (Nanyang Siang Pau pada 18 Januari 1951 dan The Straits Times pada 18 January 1951). Hukuman yang tidak membebaskan menyebabkan kemarahan dan ketidakadilan kepada para peniaga yang mengalami kerugian ketika perintah berkurung. Tambahan pula, risikan komunis yang diingini oleh kerajaan British menyebabkan kemarahan penduduk Pusing kerana mereka tidak mempunyai dan tidak mampu membekalkan sebarang maklumat komunis di kawasan sekitar atas kesibukan mereka terhadap perniagaan. Dengan ini, hukuman kolektif yang tegas dapat dikatakan menambah beban kehidupan masyarakat Cina di Pusing dan pelbagai masalah lainnya juga muncul pada masa tersebut.

Makanan

Isu kekurangan bekalan makanan di Tanah Melayu ketika darurat merupakan satu perkara yang sering berlaku. Bagi mengelakkan penyamaran atau pembantu komunis memperoleh makanan daripada orang awam, British mengeluarkan Kad Beras kepada setiap penduduk Tanah Melayu yang melebihi umur 12 tahun dan ke atas (Nanyang Siang Pau pada 23 Februari 1949). Nanyang Siang Pau melaporkan Kad Beras bagi kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah akan dicatatkan maklumat dengan teliti. Setiap pembelian beras di kedai akan direkod dengan teliti pada kad beras yang

diagihkan oleh kerajaan (Wawancara dengan Kam Mooi). Tambahan pula, catuan beras turut dikenakan bagi kawasan penempatan semula. Golongan lelaki hanya diberikan bekalan beras sebanyak tiga kati seminggu di dapur pusat. Golongan wanita dan kanak-kanak masing-masing menerima dua kati setengah dan dua kati untuk seminggu (Ho, 2004). Jumlah beras yang kurang tidak mampu menampung keperluan makanan penduduk tempatan dan mereka terpaksa mengalami kelaparan disebabkan polisi kerajaan. Berdasarkan laporan Nanyang Siang Pau pada 17 Januari 1949, harga sayur-sayuran di Tanah Melayu dilaporkan meningkat secara berterusan akibat daripada kekurangan bekalan di pasaran. Majoriti sayur-sayuran dibekalkan dari kawasan kampung ke kawasan pekan. Dengan ini, perintah berkurung dan perintah darurat yang dikenakan telah menyebabkan kesukaran penghantaran sayur-sayuran dari Cameron Highlands ke seluruh tempat (Nanyang Siang Pau pada 17 Januari 1949). Bukan itu sahaja, hasil tanaman yang tidak diusahakan di kampung baru juga merupakan salah satu masalah kepada orang awam yang mengalami kelaparan (Wawancara dengan Kam Mooi). Kebanyakan orang awam tidak lagi mengusahakan tanah-tanah yang terdapat di sekitar penempatan semula dan hanya bergantung kepada pengagihan makanan oleh British. Oleh itu, kekurangan makanan dan catuan makanan yang dikenakan pada zaman darurat membawa pelbagai masalah kepada masyarakat tempatan terutamanya golongan Cina yang mengalami kurungan di Kampung Baru Cina.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, perbincangan ini jelas menumpukan kepada kepentingan akhbar Cina seperti Nanyang Siang Pau kepada masyarakat Cina ketika darurat di Tanah Melayu. Peranan Nanyang Siang Pau berjaya membawa imej dan informasi yang penting kepada orang awam supaya mereka mengetahui segala peristiwa yang sedang berlaku di seluruh dunia mahupun di tanah air ini. Bukan itu sahaja, surat khabar Cina juga memainkan peranan yang penting dalam membantu kerajaan dalam membanteras komunis. Informasi yang diberikan meningkatkan kesedaran masyarakat Cina pada masa itu. Kegiatan komunis yang pernah mencederakan dan membunuh orang awam meninggalkan trauma kepada ahli keluarga mangsa. Tambahan pula, ekonomi negara turut terjejas apabila kegiatan sabotaj yang semakin aktif di dalam hutan atau estet getah menyebabkan hasil pengeluaran getah dan tanaman turut menurun ketika darurat. Masyarakat Cina hidup dalam keadaan sengsara dan tertekan. Mereka hidup dalam perintah berkurung dan menyebabkan kehilangan kebebasan untuk melakukan aktiviti harian. Jiwa masyarakat Cina juga sering diganggu oleh kerajaan British sekiranya mereka tidak memperoleh maklumat atau risikan mengenai komunis yang diperlukan. Selain daripada itu, kebajikan masyarakat Cina juga diberikan perhatian oleh kerajaan British di kawasan penempatan semula. Dengan ini, kehidupan masyarakat Cina sepanjang darurat dapat dibantu.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada penelitian awal penulis bagi Kursus SADZ 3696 Latihan Ilmiah. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan informan yang telah memberikan kerjasama. LAI YAN LIN merupakan pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sastera Sejarah Gunaan dengan Kepujian di Universiti Utara

Malaysia. MOHAMED ALI HANIFFA (Ph.D) ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Malaysia dengan tumpuan kepada sejarah pra kemerdekaan.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengisytiharkan tidak memiliki sebarang kepentingan terhadap perkara berkaitan.

RUJUKAN

- [1] Arkib Negara Malaysia (ANM) (1960): Emergency statistics for the Federation of Malaya since June 1960 (D.INF.7/60/160 [EMERG]). – ANM 4p.
- [2] Federation of Malaya (1954): A general survey of New Village: Report to His Excellency Sir Donald MacGillivray (B/C 487/55). – Arkib Negara Malaysia 51p.
- [3] Federation of Malaya (1950): Chronology of important events during the Emergency in Malaya from January–June 1950 (RCP/PUB./1037/1950). – Arkib Negara Malaysia 4p.
- [4] Hanrahan, G.Z. (1954): The communist struggle in Malaya. – UM Press 246p.
- [5] High Commissioner of the Federation of Malaya (1949): Communist banditry in Malaya (P.R. 1002/1949 297. C TM). – Department of Public Relations, Federation of Malaya 11p.
- [6] Ho, H.L. (2004): Darurat 1948-1960: keadaan sosial di Tanah Melayu/Ho Hui Ling. – Penerbit Universiti Malaya 361p.
- [7] House of Commons (1952a): Hansard parliamentary debates. – UK Parliament 498: 1668-1671.
- [8] House of Commons (1952b): Tanjong Malim (Collective Punishment). – Hansard Parliamentary Debates 499: 1453-1455.
- [9] Ling, H.H., Nordin, M., Hassan, N.M. (2023): Risalah Darurat: Strategi Kerajaan dalam Memenangi Jiwa dan Pemikiran Orang Cina di Tanah Melayu, 1948-1960. – KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities 30(2): 173-206.
- [10] O'Ballance, E. (1966): Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-1960. – Archon Books 188p.
- [11] Perak State Secretariat (1952): New villages in Perak: Statistical information concerning (PK.SEC. 3188/1952). – Arkib Negara Malaysia 1p.
- [12] Perhubungan Raya Persekutuan Tanah Melayu (1950): P.O. Box 5000 (Leaflet No. 387; P.R. 746/1950). – Arkib Negara Malaysia 1p.